



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBr.
Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 23 September 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Syarikat Swasta Disaran Anjur Hari Keluarga, Manfaatkan Pelepasan Cukai https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/22/syarikat-swasta-disaran-anjur-hari-keluarga-manfaatkan-pelepasan-cukai https://selangorjournal.my/2024/09/employers-urged-to-host-family-days-to-promote-work-life-balance-mental-health/ https://www.newsarawaktribune.com.my/empowering-women-to-ensure-family-well-being/ https://utusansarawak.com.my/majikan-anjur-hari-keluarga-pekerja-boleh-manfaat-pelepasan-cukai-nancy/ https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1301334/swasta-disaran-anjur-hari-keluarga-manfaat-pelepasan-cukai https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2342925 https://www.tvsarawak.my/2024/09/21/manfaatkan-pelepasan-cukai-majikan-digalak-anjur-hari-keluarga/ https://thesun.my/local-news/employers-urged-to-host-family-day-events-to-promote-work-life-balance-mental-wellbeing-NA13027192#google_vignette https://bernama.com/en/general/news.php?id=2342929	Utusan Borneo Selangor Journal New Sarawak Tribune Utusan Sarawak Berita Harian Bernama TV Sarawak The Sun Bernama	Neutral

	<p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/09/22/majikan-swasta-disaran-anjur-hari-keluarga-manfaat-pelepasan-cukai/</p> <p>https://www.buletin.my/artikel/161791</p>	FMT	
2.	<p>Belanjawan 2025: KPWKM Cadang Peruntukan RM3 Bilion – Nancy</p> <p>https://www.nasionaldaily.com/2024/09/22/belanjawan-2025-kpwkm-cadang-peruntukan-rm3-bilion-nancy/</p> <p>https://wilayah.com.my/budget-2025-kpwkm-proposes-an-allocation-of-rm3-billion-nancy/</p> <p>https://www.tvsarawak.my/2024/09/21/belanjawan-2025-kpwkm-cadang-peruntukan-rm3-bilion/</p> <p>https://www.bernama.com/en/news.php/news.php?id=2342863</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/belanjawan-2025-kpwkm-cadang-peruntukan-rm3-bilion-nancy-488748</p> <p>https://thesun.my/local-news/budget-2025-kpwkm-seeking-rm3b-nancy-AA13026611</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php/news.php?id=2342822</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/686853/berita/nasional/belanjawan-2025-kpwkm-cadang-peruntukan-rm3-bilion#google_vignette</p> <p>https://utusanarawak.com.my/belanjawan-2025-kpwkm-cadang-peruntukan-rm3-bilion-nancy/</p> <p>https://www.chinapress.com.my/20240921/%E5%A6%87%E5%A5%B3%E5%86%80%E9%A2%84%E7%AE%97%E6%A1%88%E6%8B%A8%E6%AC%BE30%E4%BA%BF/#google_vignette</p>	<p>Nasional Daily</p> <p>Wilayah</p> <p>TV Sarawak</p> <p>Bernama</p> <p>Astro Awani</p> <p>The Sun</p> <p>Bernama</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Utusan Sarawak</p> <p>China Press</p>	Neutral

	https://headtopics.com/my/budget-2025-kpwkm-seeking-rm3b-59294065	Head Topics	
3.	<p>Program Wanita Dinamik@KPWKM Perkasa Golongan Wanita Dalam Pelbagai Sector</p> <p>https://sarawaknewsnetwork.com/program-wanita-dinamikkpwm-perkasa-golongan-wanita-dalam-pelbagai-sektor/</p>	Sarawak News Network	Neutral
4.	<p>KPWKM Sedia Pelbagai Program Jadikan Wanita Lebih Berdikari, Berdaya Saing</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1301746/kpwkm-sedia-pelbagai-program-jadikan-wanita-lebih-berdikari-berdaya</p> <p>https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2343164</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1136634/kpwkm-komited-perkukuh-kedudukan-wanita-melalui-pelbagai-inisiatif-program</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1109305/kpwkm-committed-strengthening-womens-position-through-various#google_vignette</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-komited-perkukuh-kedudukan-wanita-melalui-pelbagai-inisiatif-program-488876</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Bernamea</p> <p>Harian Metro</p> <p>NST</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral
5.	<p>Jumlah Mangsa Banjir Di Kedah Terus Menurun</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1136632/jumlah-mangsa-banjir-di-kedah-terus-menurun</p> <p>https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/jumlah-mangsa-banjir-di-kedah-menurun-kepada-8-546-orang-x9615zs</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral

	https://www.buletintv3.my/nasional/mangsa-banjir-di-kedah-menurun-kepada-8394-petang-ini/	Buletin TV3	
6.	Pemangsa Seks Guna Gajet Perangkap Kanak-Kanak https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/pemangsa-seks-guna-gajet-perangkap-kanak-kanak/#google_vignette	Utusan	Neutral
7	Wanita Warga Emas Tinggal Sendirian Ditemui Meninggal Dunia https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-warga-emas-tinggal-sendirian-ditemui-meninggal-dunia-488826 https://thesun.my/cerita/berita/wanita-warga-emas-tinggal-sendirian-ditemukan-meninggal-dunia-EA13028268#google_vignette https://malaysiagazette.com/2024/09/22/wanita-ditemukan-sudah-mati-sejak-empat-hari-lalu/#google_vignette https://www.sinarharian.com.my/article/686952/berita/semasa/wanita-warga-emas-tinggal-sendirian-ditemui-mati-dalam-rumah https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2343011	Astro Awani The Sun Malaysia Gazette Sinar Harian Bernama	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

SYARIKAT SWASTA DISARAN ANJUR HARI KELUARGA, MANFAATKAN PELEPASAN CUKAI

LAWAS: Majikan syarikat swasta disarankan memanfaatkan pelepasan cukai dengan mengadakan hari keluarga serta aktiviti kekeluargaan sekali gus mengangkat konsep keseimbangan keluarga dan kerja.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata penganjuran hari keluarga turut memberi impak positif terhadap kesihatan mental dalam kalangan pekerja serta majikan.

“Saya berharap lebih banyak pihak swasta akan mengambil peluang ini untuk memperkukuh ikatan kekeluargaan dalam kalangan pekerja selain turut menyokong penganjuran program seperti ini sepanjang November nanti.

“Kita sedia maklum kesihatan mental juga adalah elemen yang perlu dititikberatkan oleh majikan dan pekerja yang baik bermula di rumah melalui kehidupan keluarga yang sejahtera,” katanya ketika berucap pada majlis Penutupan Kembara KASIH Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) 2024 dan Permulaan Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan di Arena Lawas malam tadi.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka melancarkan Bulan Keluarga Kebangsaan pada 9 dan 10 Nov ini di Kuala Lumpur.

“Sambutan ini akan menjadi platform untuk kita mempertingkatkan kesedaran tentang peranan penting setiap ahli keluarga serta menyediakan pelbagai program yang menyokong keluarga dari segi pendidikan, kesihatan, ekonomi dan sosial,” katanya.

Nancy juga berkata Kembara KASIH KPWKM yang berakhir di penghujung utara Sarawak iaitu Lawas telah memberi manfaat kepada 12,000 rakyat Bumi Kenyalang menerusi pelbagai inisiatif sepanjang kembara itu.

Kembara itu, yang bermula pada 14 Sept lepas serta membabitkan perjalanan sejauh 1,456 kilometer, turut menelusuri tujuh lagi daerah di Sarawak iaitu Kuching, Sibu, Kapit, Bintulu, Sibuti, Miri dan Limbang.

“Harapan kami, dengan adanya program khas kolaborasi antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri seperti Kembara KASIH KPWKM ini dapat membantu mempercepatkan hasil kepada usaha pembangunan sosial yang kami laksanakan,” katanya.

Pelbagai perkhidmatan percuma ditawarkan oleh agensi di bawah KPWKM sepanjang kembara itu seperti Program Komuniti Santuni MADANI, Program Advokasi Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak dan Program Outreach Advokasi Antigangguan Seksual. – BERNAMA

BELANJAWAN 2025: KPWKM CADANG PERUNTUKAN RM3 BILION – NANCY

LAWAS – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mencadangkan peruntukan kira-kira RM3 bilion bagi Belanjawan 2025, kata Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata, jumlah itu mengambil kira 80 peratus daripada peruntukan KPWKM tahun ini melibatkan pengurusan elaun penerima bantuan yang tersenarai di bawah agensi kementerian berkenaan.

“Kita perlu kaji betul-betul apa program yang berkesan untuk rakyat mendapat manfaatnya (pada 2025) jadi terpulanglah kepada Kementerian Kewangan untuk luluskan atau tidak.

“(Susulan maklum balas positif Kembara KASIH) Kita memang masukkan program ini dalam cadangan belanjawan supaya ia dapat diperluas di negeri-negeri lain selepas ini,” katanya.

Nancy berkata demikian ketika ditemui pemberita di Program Wanita Dinamik YKN sempena Kembara KASIH KPWKM 2024 di Arena Lawas, pada Sabtu.

Turut hadir Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan; Ketua Setiausaha KPWKM, Datuk Dr Maziah Che Yusoff dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara, Nordina Haron.

Pada 4 Sept lepas, Nancy dilaporkan berkata, KPWKM mengemukakan cadangan berhubung bantuan kepada ibu tunggal untuk menuntut nafkah daripada bekas suami di mahkamah dalam Belanjawan 2025.

Dalam Belanjawan 2024, KPWKM diperuntukkan RM3.52 bilion merangkumi RM3.25 bilion perbelanjaan mengurus dan RM265 juta perbelanjaan pembangunan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka membentangkan Belanjawan 2025 iaitu belanjawan ketiga di bawah Kerajaan Perpaduan pada 18 Okt ini di Dewan Rakyat. – BERNAMA

PROGRAM WANITA DINAMIK@KPWKM PERKASA GOLONGAN WANITA DALAM PELBAGAI SEKTOR

LAWAS, 22 SEPTEMBER 2024: Penganjuran Program Wanita Dinamik @KPWKM adalah bertujuan bagi memperkasa golongan wanita dalam aspek ekonomi, keselamatan, dan kesihatan.

Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berkata, program berkenaan diadakan untuk mendekati golongan wanita di peringkat akar umbi agar mereka berpeluang mendapat maklumat dan kaedah tepat dalam meningkatkan ekonomi keluarga.

“Kita tahu dalam sebuah keluarga, kaum wanita menjalankan peranan yang begitu penting dalam menentukan kesejahteraan hidup keluarga bahkan dalam membangunkan negara kita juga dapat lihat di universiti-universiti pelajar perempuan yang lebih ramai berbanding lelaki.

“Kita memerlukan tenaga kerja yang cukup berkemahiran dan sememangnya wanita memainkan peranan yang begitu penting,” kata beliau semasa berucap dalam Program Wanita Dinamik YKN Sempena Kembara Kasih KPWKM 2024 bertempat di Arena Lawas pada Sabtu.



Datuk Amar Awang Tengah dan Dato Sri Nancy Shukri merakam gambar bersama para peserta

Dalam pada itu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata golongan wanita di Daerah Lawas juga perlu memanfaatkan inisiatif yang disediakan melalui program tersebut.

Menurutnya ia merupakan platform terbaik untuk memperkukuhkan peranan wanita sebagai salah satu kriteria yang menyumbang kepada ekonomi negara.

Jelasnya, Kerajaan Sarawak melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK), Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) serta Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) juga telah memperkenalkan pelbagai program dan inisiatif untuk memastikan kesejahteraan golongan wanita terjamin.

“Program ini diyakini dapat membantu wanita keluar daripada kesusahan dan menjadi lebih dinamik, seterusnya memberi peluang pekerjaan, mengambil upah, dan mengembangkan perniagaan kecil-kecilan.

“Saya menyeru semua yang hadir hari ini untuk memanfaatkan peluang ini dalam meningkatkan pendapatan ekonomi keluarga bagi mencapai taraf kehidupan yang lebih baik,” katanya lagi.

Hadir sama, Ahli Parlimen Lawas; Dato Henry Sum Agong, Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN); Datuk Rohani Abdul Karim, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat; Datuk Dr Maziah Che Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKN); Nordina Haron, Residen Bahagian Limbang; Unus Tambi, Pegawai Daerah Lawas; Ladin Atok, Setiausaha Politik Premier

Sarawak; Awangku Jinal Abedin Dato Pengiran Jawa, Ketua-Ketua Jabatan serta Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum (KMKK) Daerah Lawas.-UKAS

KPWKM SEDIA PELBAGAI PROGRAM JADIKAN WANITA LEBIH BERDIKARI, BERDAYA SAING



Datuk Seri Dr Noraini Ahmad

KUALA LUMPUR: Pelbagai inisiatif diambil Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam mempersiapkan wanita di negara ini menjadi lebih berdikari serta berdaya saing dalam pasaran kerja yang semakin mencabar.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata inisiatif itu antara lain dapat memastikan setiap wanita di Malaysia mendapat peluang yang adil dan saksama.

Katanya, antara inisiatif yang diberikan oleh kementerian termasuklah menyediakan program latihan kemahiran yang berfokus untuk meningkatkan kecekapan dan kebolehan wanita dalam pelbagai bidang, bantuan perniagaan, sokongan psikososial dan bimbingan dalam menghadapi cabaran kehidupan.

"Bantuan perniagaan yang diberikan kepada usahawan wanita bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai daripada golongan itu untuk menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"Manakala sokongan psikososial yang disediakan adalah penting untuk memastikan kesejahteraan mental dan emosi wanita, khususnya mereka yang sedang melalui masa sukar.

"Kami berusaha untuk menyediakan persekitaran yang menyokong dan kondusif bagi semua wanita, di mana mereka rasa dihargai, didengari dan diberi peluang yang sama rata," katanya ketika berucap sempena Anugerah Wanita Ikon Malaysia 2024/2025, di sini hari ini.

Noraini berkata, sumbangan wanita dalam pelbagai sektor di negara ini tidak perlu disangkal lagi kerana ia sudah dibuktikan dalam bidang keusahawanan, pentadbiran, teknologi, pendidikan dan perjuangan sosial.

"Dalam bidang keusahawanan, wanita membuktikan keupayaan mereka untuk memimpin perniagaan yang berjaya dan berinovasi serta menyumbang kepada ekonomi negara.

"Dalam sektor pentadbiran, wanita menunjukkan kebolehan untuk memimpin dengan integriti dan kebijaksanaan serta memastikan bahawa dasar yang digubal adalah adil dan inklusif.

"Sementara dalam sektor teknologi, wanita tidak ketinggalan dalam memperkenalkan inovasi dan mencipta penyelesaian kepada cabaran yang kompleks, memajukan negara ke arah kemajuan digital," katanya.

Bukan itu sahaja, Noranini berkata golongan wanita turut memainkan peranan mereka dalam bidang pendidikan termasuk menjadi pendidik yang berdedikasi, membentuk minda generasi akan datang dengan nilai murni serta ilmu pengetahuan.

"Sumbangan mereka tidak hanya memacu kejayaan individu tetapi turut menyumbang kepada kemakmuran negara secara keseluruhannya. Melalui dedikasi, kegigihan dan keberanian, wanita ini membuktikan bahawa mereka adalah aset yang tidak ternilai kepada negara kita.

"Oleh itu, marilah kita terus menyokong dan menghargai sumbangan mereka, memastikan bahawa setiap wanita di Malaysia mempunyai peluang yang sama untuk berjaya dan berkembang maju dalam apa jua bidang yang diceburi," katanya.

WANITA WARGA EMAS TINGGAL SENDIRIAN DITEMUI MENINGGAL DUNIA

ALOR GAJAH: Seorang wanita warga emas ditemukan meninggal dunia di dalam bilik utama rumahnya di Jalan Pulau Semut, Solok Duku, Masjid Tanah di sini semalam.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah Supt Ashari Abu Samah berkata kematian wanita berusia 69 tahun itu dimaklumkan oleh anak saudara lelakinya di Balai Polis Masjid Tanah kira-kira 8.45 pagi.

"Siasatan awal di lokasi kejadian mendapati mangsa yang tinggal seorang diri di rumah berkenaan ditemukan terbaring di atas lantai beralaskan bantal dan setengah badan ditutupi kain selimut selain turut ditemukan sebilah gunting.

"Unit Forensik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka kemudiannya membuat siasatan lanjut dan turut menggunakan khidmat anjing pengesanan Unit K9 untuk membuat pencarian di tempat kejadian," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata mayat dihantar ke Unit Forensik Hospital Melaka untuk bedah siasat dan proses pengecaman oleh ahli keluarga.

Hasil bedah siasat mendapati tiada unsur jenayah dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut.